TAWARAN E

KEMUDAHAN CUTI BELAJAR TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI 2026/2027 KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA (BUKAN GUNASAMA/ KADER) LANTIKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

KETETAPAN DAN TATACARA PERMOHONAN BAGI TAWARAN E SESI 2026/2027

PENDAHULUAN

1. Kemudahan Cuti Belajar ini diberikan kepada **Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) (Bukan Gunasama/ Kader) lantikan tetap di KKM** bagi mengikuti pengajian di peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda.

2. Tujuan kemudahan Cuti Belajar ini adalah untuk meningkatkan tahap pendidikan pegawai tetapi tidak menjaminkan kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi. Malah, ia lebih menjurus kepada peluang pembangunan kompetensi dan kemahiran dalam sesuatu bidang untuk meningkatkan potensi pegawai.

3. PKP yang berjaya ditawarkan **Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBBP Tanpa HLP)** layak dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.

4. PKP yang berjaya ditawarkan **Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBTG Tanpa HLP)** tidak dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.

5. PKP layak menerima kemudahan CBBP/CBTG maksimum dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi kursus Jangka Panjang.

6. Pegawai yang menerima tawaran ini adalah **terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia** bagi suatu tempoh yang dinyatakan atau ganti rugi sebanyak yang dinyatakan di dalam kontrak perjanjian pegawai dengan Kerajaan Malaysia.

7. Penerima kemudahan Cuti Belajar ini juga tertakluk kepada ketetapan dalam **Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam perkhidmatan yang gagal menamatkan pengajian dengan jayanya** sebagaimana yang telah ditetapkan oleh JPA seperti di **Lampiran A.**

PERINGKAT, BIDANG DAN INSTITUSI PENGAJIAN

1. PKP boleh memohon kemudahan Cuti Belajar berikut bagi sesi 2026/2027 iaitu:-

    i. **Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBBP Tanpa HLP)** bagi Kursus Dalam Negara/ Luar Negara; **ATAU**
    ii. **Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBTG Tanpa HLP)** bagi Kursus Dalam Negara/ Luar Negara

2. Pegawai boleh memohon bidang/ kursus yang ditawarkan mengikut Skim Perkhidmatan masing-masing seperti di **Lampiran B**. Sekiranya tidak tersenarai di Lampiran B, permohonan tersebut akan dikemukakan ke program untuk pertimbangan selanjutnya.

3. **Kursus yang diikuti hendaklah mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).** Senarai kursus yang diiktiraf oleh MQA boleh disemak di http://www2.mqa.gov.my/MQR.

4. **Permohonan pegawai yang layak melepasi tapisan KKM akan dipertimbangkan untuk mengikuti pengajian.** Pegawai yang tidak memohon atau permohonan tidak melepasi tapisan KKM **walaupun telah ditawarkan tempat pengajian di institusi** tidak akan dipertimbangkan **sebarang Cuti Belajar**.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat asas seperti berikut:-

1. Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) (Bukan Gunasama/ Kader) lantikan KKM yang sedang **berkhidmat dalam perkhidmatan tetap**;

2. **Telah disahkan dalam skim perkhidmatan** terkini pada **1 Januari 2026**;

3. Memperoleh purata markah minimum Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) **85% bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir berturut-turut** (2023, 2024 & 2025) dalam **skim perkhidmatan terkini.** Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan;**

4. Berumur **tidak melebihi 45 tahun pada 1 Januari 2026** (hanya pegawai yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1981 sahaja yang memenuhi syarat ini);

5. Telah berkhidmat dalam lantikan tetap sekurang-kurangnya **enam (6) tahun dalam skim perkhidmatan semasa pada 1 Januari 2026**;

6. Pegawai yang memohon kemudahan ini hendaklah **mengikuti kursus pada peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik tertinggi sedia ada yang telah dimiliki;

7. Mematuhi syarat genap **tempoh tamat mengikuti kursus** jangka panjang/ sederhana/ pendek di bawah kemudahan cuti belajar sedia ada seperti berikut;

Tempoh Kursus	**Tempoh Menunggu (Dikira sehingga 1 Januari 2026)**
Lebih 12 bulan	3 tahun
Lebih dari 3 bulan, Kurang dari 12 bulan	1 tahun
Kurang 3 bulan	Tiada

8. **Tidak pernah menerima** sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;

9. **Tidak pernah gagal atau menarik diri** daripada sebarang kursus yang mendapat tajaan daripada Kerajaan Malaysia sebelum ini;

10. **Tidak pernah menolak tawaran** Cuti Belajar yang ditawarkan di dalam tempoh **dua (2) sesi** yang lepas;

11. **Masih belum mendapat tawaran melanjutkan pengajian atau telah mendapat tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang yang ditetapkan seperti di Lampiran B** di mana-mana institusi pengajian di dalam/ luar negara;

12. Permohonan **disokong Pegawai Penilai Pertama dan Ketua Jabatan serta diperakui Pengarah Kesihatan Negeri dan Ketua Program mengikut Skim Perkhidmatan**;

13. **Tidak dibenarkan menukar kaedah Cuti Belajar yang telah ditawarkan** semasa dalam pengajian. Contohnya, pegawai yang telah menerima tawaran CBTG Tanpa HLP tidak dibenarkan memohon CBBP Tanpa HLP semasa dalam pengajian;

14. **Bersih/ bebas** daripada sebarang pertuduhan/ prosiding dan tindakan **tatatertib**, siasatan dan/ atau dalam proses dakwaan mahkamah;

15. **Bukan Peminjam Tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam **senarai hitam** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja yang lain;

16. **Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini**;

17. Bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk menjalani program latihan (*unsuitable to pursue training*) dari segi fizikal dan mental seperti di **Lampiran C**; dan

18. Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.1.8 (Kemudahan Cuti Belajar Dan Biasiswa Dalam Perkhidmatan)** seperti di **Lampiran D.**

TATACARA PERMOHONAN

A. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PEMOHON

1. Pegawai yang berminat dikehendaki **membaca dan memahami** ketetapan, syarat dan tatacara permohonan yang telah ditetapkan ini sebelum membuat permohonan. **Kegagalan mematuhinya menyebabkan permohonan akan dibatalkan/ ditolak/ atau tidak berkelayakan secara automatik.**

2. Permohonan adalah secara manual (di luar sistem). Borang permohonan Cuti Belajar boleh diakses **mulai 19 Jun hingga 06 Julai 2026** di Sistem eHLP KKM di pautan http://ehlp.moh.gov.my. melalui menu:
   Sistem eHLP → Dokumen Muat turun → Surat Penawaran Iklan → Tawaran E (Kumpulan Pelaksana)

3. Dokumen yang **WAJIB** dihantar ke BPL, KKM adalah seperti berikut:-

   i. Borang permohonan yang telah lengkap diisi melalui link: https://forms.gle/2V7J37pSpaYSLYBi6 hendaklah **dimuat turun, dicetak sebanyak dua (2) salinan;**

ii. **Dua (2) dokumen asal** pengakuan pemohon, sokongan Pegawai Penilai Pertama dan Ketua Jabatan serta perakuan Pengarah Kesihatan Negeri yang telah lengkap diisi seperti di **Lampiran E;**

iii. Senarai kursus-kursus termasuk pos basik/ diploma lanjutan yang pernah diikuti seperti di **Lampiran F;**

iv. **Dua (2) salinan** buku perkhidmatan yang terkini yang telah disahkan;

v. **Dua (2) salinan** Sijil Diploma yang telah disahkan (bagi permohonan kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja);

vi. **Dua (2) salinan** Surat Tawaran dari Institusi/ Surat Tawaran Biasiswa dan dokumen kontrak yang telah disahkan salinan asal **sekiranya ada**; dan

vii. **Dua (2) salinan** Senarai Tugas terkini (seperti contoh di dalam MyPortfolio).

4. Borang permohonan Cuti Belajar Tanpa HLP yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada **Ketua Jabatan dan Pengarah Kesihatan Negeri** bagi mendapatkan sokongan dan perakuan.

5. Permohonan dengan dokumen yang tidak lengkap, tidak melalui Pegawai Penilai Pertama, Ketua Jabatan dan Pengarah Kesihatan Negeri atau tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan secara automatik **TIDAK AKAN DIPROSES UNTUK TUJUAN PERTIMBANGAN.**

6. **Borang permohonan dan dokumen-dokumen sokongan hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Latihan, KKM sebelum atau pada 13 Julai 2026** kepada alamat berikut:

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1 (Program Kepakaran 1)
Cawangan Operasi Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, Menara Prisma, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675, PUTRAJAYA
(u.p: Urus Setia Tawaran E)

B. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/ PENYELIA

1. Ketua Jabatan hendaklah menyemak dan memastikan permohonan yang dikemukakan oleh calon yang memohon mematuhi **ketetapan dan syarat yang ditetapkan**. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk **menyokong/ memberi pelepasan kepada pegawai-pegawai yang bersesuaian dan berkelayakan sahaja.**

2. Ketua Jabatan hendaklah **meneliti semua permohonan yang telah disokong/ dilepaskan** supaya tidak menjejaskan operasi organisasi. Ini kerana kekosongan jawatan secara operasi akan berlaku untuk tempoh yang panjang [sekitar tiga (3) hingga empat (4) tahun] sekiranya mereka berjaya ditawarkan Cuti Belajar.

3. Ketua Jabatan juga dikehendaki untuk memaklumkan kepada calon yang memohon berhubung status permohonan mereka sama ada disokong/ dilepaskan atau sebaliknya.

C. JADUAL PELAKSANAAN TAWARAN E 2026/2027

1. Keputusan akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi pegawai. Surat tawaran bersyarat dan dokumen perjanjian akan dihantar oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM kepada pegawai yang berjaya sahaja.

2. Pegawai akan diberikan tempoh **selama setahun untuk mengemukakan surat tawaran dari institusi dan menyempurnakan borang perjanjian.** Oleh itu, semasa membuat permohonan, surat tawaran dari institusi bukan merupakan dokumen wajib yang perlu dihantar ke BPL.

3. Tarikh-tarikh penting adalah seperti berikut (***tertakluk kepada pindaan)***:

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Borang permohonan Cuti Belajar Tawaran E boleh diakses di Sistem eHLP KKM melalui pautan **http://ehlp.moh.gov.my** dengan merujuk di butang menu: Dokumen Muat Turun → Surat Penawaran Iklan → Kumpulan Pelaksana	**19 Jun hingga 06 Julai 2026**
ii.	Tarikh tutup penerimaan **dokumen *hard copy*** di Bahagian Pengurusan Latihan, KKM.	**13 Julai 2026**
iii.	**Keputusan** Tawaran E akan **dimaklumkan melalui e-mel rasmi pegawai.**	**Ogos 2026**

PERTANYAAN

Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak penyelaras yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

Penyelaras : **Urus setia Tawaran E,**
Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1 (Program Kepakaran 1)
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

No. Telefon : **03-88850600 samb. 6167/ 6133**

E-mel : tawarane@moh.gov.my

SENARAI SEMAK
PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI 2026/2027 KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA (BUKAN GUNASAMA/ KADER) LANTIKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dokumen yang **WAJIB** dihantar ke BPL, KKM adalah seperti berikut:-

i. Borang permohonan yang telah lengkap diisi melalui link: https://forms.gle/2V7J37pSpaYSLYBi6 hendaklah **dimuat turun, dicetak sebanyak dua (2) salinan;** ☐

ii. **Dua (2) dokumen asal** pengakuan pemohon, sokongan Pegawai Penilai Pertama dan Ketua Jabatan serta perakuan Pengarah Kesihatan Negeri yang telah lengkap diisi seperti di **Lampiran E;** ☐

iii. Senarai kursus-kursus termasuk pos basik/ diploma lanjutan yang pernah diikuti seperti di **Lampiran F;** ☐

iv. **Dua (2) salinan** buku perkhidmatan yang terkini yang telah disahkan; ☐

v. **Dua (2) salinan** Sijil Diploma yang telah disahkan (bagi permohonan kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja); ☐

vi. **Dua (2) salinan** Surat Tawaran dari Institusi/ Surat Tawaran Biasiswa dan dokumen kontrak yang telah disahkan salinan asal **sekiranya ada**; dan ☐

vii. **Dua (2) salinan** Senarai Tugas terkini (seperti contoh di dalam MyPortfolio). ☐

Link Google Form Borang Permohonan Tawaran E Sesi 2026/2027:

https://forms.gle/2V7J37pSpaYSLYBi6

LAMPIRAN A –

TINDAKAN PENALTI

LAMPIRAN A

JENIS-JENIS TINDAKAN PENALTI YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN YANG GAGAL MENAMATKAN PENGAJIAN DENGAN JAYA

BIL.	PERKARA	PENALTI YANG DIKENAKAN
1.	Masalah disiplin	i. Bayaran ganti rugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.
2.	Menarik diri	i. Bayaran ganti rugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan kecuali sebab tarik diri adalah di atas kepentingan perkhidmatan (yang dapat dibuktikan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan).
3.	Tidak mencapai markah lulus / syarat siswazah yang ditetapkan oleh universiti / kolej / institusi	i. Bayaran ganti rugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.
4.	Tamat tempoh penajaan	i. Bayaran ganti rugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.

PENGECUALIAN KEPADA TUNTUTAN GANTI RUGI		
5.	Penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 seperti di **Lampiran C**	i. Tiada tuntutan ganti rugi dikenakan; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii. Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.

Kutipan balik ganti rugi akan dibuat sebaik sahaja pegawai ditamatkan penajaan kerana gagal menamatkan pengajian dengan jaya.

LAMPIRAN B –

BIDANG KURSUS

PROGRAM KEJURURAWATAN

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2026/2027 JAWATAN: JURURAWAT				
BIL.	**BIDANG**	**CADANGAN INSTITUSI**	**KOD PROGRAM**	**NEC FIELD (NATIONAL EDUCATION CODE)**
1.	Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan (Kepujian)	International Islamic University Malaysia (IIUM)	MQA/FA10862	0913 (Nursing, Midwifery and Medical Assistant)
2.	Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Cheras	MQA/FA8743	
3.	Sarjana Muda Kejururawatan dengan Kepujian	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan	MQA/FA12024	
4.	Bacelor Kejururawatan dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	MQA/FA6190	
5.	Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan (Kepujian)	Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian	MQA/FA9774	
6.	Sarjana Muda Kejururawatan (Kepujian)	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Puncak Alam	MQA/FA11701	
7.	Sarjana Muda Sains Kejururawatan	Universiti Malaya	MQA/FA8177	
8.	Sarjana Muda Sains Kejururawatan dengan Kepujian	Universiti Malaysia Sabah	MQA/PA 14685	
9.	Sarjana Muda Sains Kejururawatan (Kepujian)	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa)	MQA/PA 12393	

Nota pemakluman:

i. Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di atas tersenarai di Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (e-SISRAF).

ii. ***Bachelor in Nursing*** **di** ***Semmelweis University, Budapest Hungary*** **dan** ***Bachelor of Science (Nursing)*** **di** ***Curtin University of Technology, Australia*** **masih belum tersenarai di dalam e- SISRAF** setakat April 2022.

iii. Jika pegawai memilih untuk mengikuti pengajian ke institusi yang tersebut di perkara (ii), pegawai tidak melepasi salah satu syarat kenaikan pangkat bagi Jururawat Kumpulan Pelaksana ke Gred U9 iaitu perlu memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Kejururawatan dari Institusi pengajian yang **diiktiraf**.

PROFESION PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2026/2027 JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN			
BIL.	**BIDANG**	**CADANGAN INSTITUSI**	**KOD PROGRAM**
1.	Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan dengan Kepuijian. EmMed (Hons)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/SWA0077
2.	Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan & Kesihatan dengan kepujian. Bachelor of Medical & Health Sciences (Hons)	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa)	MQA/PA13086

Nota pemakluman:

i. Senarai kursus Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di atas di Institusi Pengajian Tinggi Awam tersenarai dalam Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (e-SISRAF) dan dipersetujui oleh Lembaga Pembantu Perubatan, Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM.

ii. Senarai ini telah dikemaskini sehingga 23 April 2024

PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

SENARAI BIDANG KURSUS BAGI PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2026/2027

JAWATAN: JURU X-RAY TERAPI

BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI	KOD PROGRAM	NEC FIELD (NATIONAL EDUCATION CODE)
1.	Bachelor of Diagnostic Imaging and Radiotherapy with Honours	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/SWA13988	0914 (Medical Diagnostic & Treatment Technology)
2.	Bachelor In Medical Imaging & Radiotherapy (Hons)	Asia Metropolitan University (AMU)	MQA A9993	

JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN

BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI	KOD PROGRAM	NEC FIELD (NATIONAL EDUCATION CODE)
1.	Bacelor Sains Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	MQA/SWA0387	1022 (Occupational health and safety)
2.	Sarjana Muda Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran (Kepujian)	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	MQA/SWA12609	1022 (Occupational health and safety)
3.	Sarjana Muda Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/SWA13997	1022 (Occupational health and safety)
4.	Sarjana Muda Sains Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan (Kepujian)	Universiti Sains Malaysia (USM)	MQA/SWA0132	1022 (Occupational health and safety)
5.	Sarjana Muda Kesihatan Persekitaran (Kepujian)	UniKL MESTECH	A8828	0521 (Environmental sciences)
6.	Bacelor Kesihatan Persekitaran dan Keselamatan	MAHSA University	A11426	1021 (Community sanitation)
7.	Ijazah Sarjana Muda Kesihatan Persekitaran (Kepujian)	City University	A11515	0521 (Environmental sciences)

JAWATAN: JURUPULIH PERUBATAN (FISIOTERAPI)

BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI	KOD PROGRAM	NEC FIELD(NATIONAL EDUCATION CODE)
1.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	AIMST University		
2.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	International Islamic University Malaysia		
3.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	INTI International University		
4.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	KPJ Healthcare University College		
5.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	MAHSA University		
6.	Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
7.	Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian)	Universiti Teknologi MARA (UiTM)		
8.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)		
9.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	University of Cyberjaya		
10.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	UniKL		
11.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	AMU Johor Bahru		
12.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	SEGi University		
13.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	Royal College of Medicine Perak, Universiti Kuala Lumpur (RCMP UniKL)		

JAWATAN: JURUPULIH PERUBATAN (CARA KERJA)

BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI	KOD PROGRAM	NEC FIELD(NATIONAL EDUCATION CODE)
1	Ijazah Sarjana Muda Pemulihan Cara Kerja (Kepujian)/ Bachelor of Occupational Therapy (Honours)	Universiti Teknologi MARA (UiTM)		
2	Ijazah Sarjana Muda Terapi Cara Kerja dengan Kepujian/ Bachelor of Occupational Therapy with Honours	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
3	Bachelor of Science (Honours) in Occupational Therapy	Perdana University		
4	Bachelor of Occupational Therapy (Honours)	KPJ Healthcare University College		
5	Bachlor of Applied Rehabilitation (Occupational Therapy) with Honours	Teesside University		

PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

SENARAI BIDANG KURSUS BAGI PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2026/2027				
JAWATAN: JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN				
BIL.	**BIDANG**	**CADANGAN INSTITUSI**	**KOD PROGRAM**	**NEC FIELD(NATIONAL EDUCATION CODE)**
1	Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Kepujian)	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	MQA/SWA12224	0914 (Medical diagnostic and treatment technology)
2	Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/SWA13989	0914 (Medical diagnostic and treatment technology)
3	Sarjana Muda Sains Bioperubatan	Universiti Malaya	MQA/SWA11280	0914 (Medical diagnostic and treatment technology)
4	Bacelor Sains Bioperubatan dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	MQA/SWA0384	0914 (Medical diagnostic and treatment technology)
5	Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Kepujian)	Universiti Sains Malaysia (USM) (Kampus Kesihatan)	MQA/SWA16041	0914 (Medical diagnostic and treatment technology)
6	Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan Kepujian	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	MQA/FA4300	0914 (Medical diagnostic and treatment technology)
7	Sarjana Sains Kesihatan (Teknologi Makmal Perubatan)	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam	MQA/FA6781	0914 (Medical diagnostic and treatment technology)
8	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Mikrobiologi)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/SWA14095	421 (Biology and biochemistry)
9	Sarjana Muda Sains Mikrobiologi dan Genetik Molekul	Universiti Malaya	MQA/SWA11295	0511 (Biology)
10	Bacelor Sains Mikrobiologi dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	MQA/SWA0595	0511 (Biology)
11	Sarjana Muda Sains dalam Mikrobiologi dengan Kepujian	Universiti Sains Malaysia (USM)	MQA/SWA17606	0511 (Biology)
12	Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Mikrobiologi)	Universiti Sains Malaysia (USM)	10577	0511 (Biology)
13	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Biokimia)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/SWA14094	421 (Biology and biochemistry)
14	Sarjana Muda Sains Biokimia	Universiti Malaya	MQA/SWA11288	0512 (Biochemistry)
15	Bacelor Sains Biokimia dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	MQA/SWA10888	0512 (Biochemistry)
16	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Genetik)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/SWA14098	421 (Biology and biochemistry)
17	Sarjana Muda Sains Genetik	Universiti Malaya	MQA/SWA11290	0511 (Biology)
18	Sarjana Muda Sains Forensik dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/SWA13990	0512 (Biochemistry)
19	Bacelor Sains Forensik (Kepujian)	Universiti Pengurusan dan Sains	A8385	0512 (Biochemistry)
20	Sarjana Muda Sains dalam Sains Forensik (Kepujian)	Universiti Sains Malaysia (USM) (Kampus Kesihatan)	MQA/SWA16042	0531 (Chemistry)
21	Sarjana Sains (Sains Forensik)	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	MQA/SWA0304	0531 (Chemistry)
22	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia (Analisis Forensik)	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam	MQA/SWA12457	0531 (Chemistry)
JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI SAINS				
BIL.	**BIDANG**	**CADANGAN INSTITUSI**	**KOD PROGRAM**	**NEC FIELD(NATIONAL EDUCATION CODE)**
1	Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Kepujian)	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Pahang		
2	Sarjana Muda Sains dalam Fizik (Kepujian)	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Pahang		
3	Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
4	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
5	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Biologi)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
6	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Mikrobiologi)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
7	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Biokimia)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
8	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Genetik)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
9	Sarjana Muda Sains Forensik dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
10	Sarjana Muda Sains Fizik	Universiti Malaya		
11	Sarjana Muda Sains Bioperubatan	Universiti Malaya		
12	Sarjana Muda Sains Mikrobiologi dan Genetik Molekul	Universiti Malaya		
13	Sarjana Muda Sains Biokimia	Universiti Malaya		
14	Sarjana Muda Sains Genetik	Universiti Malaya		
15	Bacelor Sains Fizik dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)		
16	Bacelor Sains Biologi dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)		
17	Bacelor Sains Bioperubatan dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)		
18	Bacelor Sains Mikrobiologi dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)		

PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

SENARAI BIDANG KURSUS BAGI PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2026/2027				
JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI SAINS				
BIL.	**BIDANG**	**CADANGAN INSTITUSI**	**KOD PROGRAM**	**NEC FIELD(NATIONAL EDUCATION CODE)**
19	Bacelor Sains Biokimia dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)		
20	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Fizik	Universiti Sains Malaysia (USM)		
21	Sarjana Muda Sains dalam Mikrobiologi dengan Kepujian	Universiti Sains Malaysia (USM)		
22	Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Kepujian)	Universiti Sains Malaysia (USM) (Kampus Kesihatan)		
23	rjana Muda Sains dalam Sains Forensik (Kepuji	Universiti Sains Malaysia (USM) (Kampus Kesihatan)		
24	Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan Kepujian	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)		
25	Sarjana Muda Sains (Sains Forensik)	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)		
26	Sarjana Muda Sains (Fizik) dengan Kepujian	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)		
27	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Fizik	Universiti Teknologi MARA (UiTM)		
28	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi	Universiti Teknologi MARA (UiTM)		
29	Sarjana Muda Teknologi Makmal Perubatan (Kepujian)	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam		
30	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Mikrobiologi Gunaan	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam		

PROGRAM FARMASI

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2026/2027 JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI FARMASI		
BIL.	**BIDANG**	**CADANGAN INSTITUSI**
1.	Ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian)	Universiti Sains Malaysia
2.	Ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian)	Universiti Malaya
3.	Ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian)	Universiti Kebangsaan Malaysia
4.	Ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian)	Universiti Teknologi MARA
5.	Bachelor Of Pharmacy (Hons)	Universiti Islam Antarabangsa
6.	Bachelor Of Pharmacy (Hons)	AIMST University
7.	Bachelor Of Pharmacy (Hons)	UCSI University
8.	Bachelor Of Pharmacy (Hons)	International Medical University
9.	*Bachelor of Pharmacy (Hons)*	MAHSA *University*
10.	*Bachelor of Pharmacy (Hons)*	SEGi *University*
11.	Bachelor of Pharmacy (Hons) (Recognised on 1 June 2017)	Lincoln University College
12.	Bachelor of Pharmacy (Recognised on 1 January 2013)	Monash University Malaysia
13.	Bachelor of Pharmacy (Hons) (Recognised on 24 October 2012)	Management & Science University
14.	Bachelor of Pharmacy (Hons) (Recognised on 7 July 2015)	Taylor's University
15.	Bachelor of Pharmacy (Hons) (Recognised on 10 July 2017)	Asia Metropolitan University
16.	Bachelor of Pharmacy (Hons) (Recognised on 8 September 2017)	University Kuala Lumpur – Royal College of Medicine Perak
17.	Bachelor of Pharmacy (Hons) (Recognised on 19 July 2017)	KPJ Healthcare University (Formerly known as KPJ Healthcare University College)
18.	QUEST International University [Formerly known as QUEST International University Perak (QIUP)]	Bachelor of Pharmacy (Hons)(Recognised on 8 February 2019)
19.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Teknologi Farmaseutikal)	University Kuala Lumpur – Royal College oF MEDICINE Kampus Batu Muda
20.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Farmaseutikal) dengan Kepujian	Univesiti Malaysia Pahang
21.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia Farmaseutikal	International Medical University

PROGRAM PERGIGIAN

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2026/2027 JAWATAN: 1. JURUTERAPI PERGIGIAN 2. JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN			
BIL.	**BIDANG**	**CADANGAN INSTITUSI**	**KOD PROGRAM**
1.	Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Kepujian)	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	
2.	Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Fizik (Kepujian)	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	
3.	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Biokimia)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	
4.	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Biologi)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	
5.	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Kimia)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	
6.	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	
7.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Biokesihatan)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	
8.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Biokimia)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	
9.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Bioperubatan)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	
10.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik)	Universiti Malaya (UM)	
11.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia)	Universiti Malaya (UM)	
12.	Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia dengan Kepujian	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	
13.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	
14.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	
15.	Bacelor Sains Biokimia dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	
16.	Bacelor Sains Biologi dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	
17.	Bacelor Sains Fizik dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	
18.	Bacelor Sains Kimia dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	
19.	Bacelor Sains Bioperubatan dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	
20.	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan)	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	
21.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Kimia)	Universiti Sains Malaysia (USM)	
22.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Fizik)	Universiti Sains Malaysia (USM)	
23.	Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Kepujian)	Universiti Sains Malaysia (USM)	
24.	Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan Kepujian	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	
25.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Biologi) dengan Kepujian	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	
26.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) dengan Kepujian	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	
27.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik) dengan Kepujian	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	
28.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik) dengan Kepujian	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	
29.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) dengan Kepujian	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	
30.	Bachelor of Dental Technology (N/724/6/0017)	**AIMST UNIVERSITY BEDONG, KEDAH**	**MQA-PA-0208**

Nota pemakluman:

i. Bachelor of Dental Technology adalah satu-satunya program yang menawarkan Ijazah kepada Juruteknologi Pergigian secara khusus, Cuma ianya di adakan di Universiti Swasta yang beroperasi di Negeri Kedah.

PROGRAM KEJURUTERAAN

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2026/2027 JAWATAN: PENOLONG JURUTERA (AWAM, ELEKTRIKAL, MEKANIKAL DAN BIOMEDIKAL)				
BIL.	**BIDANG**	**CADANGAN INSTITUSI**	**KOD PROGRAM**	**NEC FIELD (NATIONAL EDUCATION CODE)**
1	Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam)	Universiti Malaya	MQA/FA13784	0716 (Civil Engineering)
2	Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam)	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	MQA/FA11730	
3	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/FA16112	
4	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	MQA/FA14707	
5	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	MQA/FA5494	
6	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	MQA/FA10829	
7	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Awam	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam	MQA/FA11512	
8	Bacelor Kejuruteraan Awam dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	MQA/FA15259	
9	Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik)	Universiti Malaya	MQA/FA13783	0712 (Electricity & Energy)
10	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	MQA/FA5822	
11	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	MQA/FA11652	
12	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	MQA/FA3447	
13	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	MQA/FA10828	
14	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam	MQA/FA11628	
15	Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal)	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	MQA/FA11087	0714 (Mechanics & Metal Trades)
16	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/FA16115	
17	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	MQA/FA14709	
18	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	MQA/FA13710	
19	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	MQA/FA3449	
20	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	MQA/FA10827	
21	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Mekanikal	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam	MQA/FA11529	
22	Bacelor Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)	MQA/FA15261	
23	Sarjana Muda Kejuruteraan Bioperubatan	Universiti Malaya (UM)	MQA/FA14058	0710 (Engineering and engineering trades not further defined)
24	Bachelor of Biomedical Electronic Engineering with Honours	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	MQA/FA13708	
25	Bachelor of Biomedical Engineering with Honours	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	MQA/FA11728	

Nota : Pemohon boleh juga memohon dari Institusi Pengajian Tinggi lain yang diiktiraf oleh MQA dan Kerajaan Malaysia.

PROGRAM KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2026/2027 JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN					
BIL.	**BIDANG**	**CADANGAN INSTITUSI**	**KOD PROGRAM**	**NEC FIELD (NATIONAL EDUCATION CODE)**	**TARIKH AKREDITASI**
1.	Bacelor Sains dan Teknologi Makanan dengan Kepujian Dahulunya dikenali sebagai : Bacelor Sains dan	Universiti Putra Malaysia (UPM)	MQA/SWA0588	0721 (Food processing)	Mulai 09/04/2015
2.	Sarjana Muda Teknologi (Kepujian) (Makanan)	Universiti Sains Malaysia (USM)	MQA/SWA16390		Mulai 28/07/2022
3.	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Makanan dan Pemakanan)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/SWA14107		Mulai 31/07/2015
4.	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Makanan dengan Pengurusan Perniagaan)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	MQA/SWA14108		Mulai 31/07/2015
5.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains dan Teknologi Makanan	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam	MQA/SWA12472		Mulai 26/02/2018
6.	Sarjana Muda Sains Makanan dengan Kepujian (Teknologi Makanan dan Bioproses)	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	MQA/FA10938		Mulai 28/09/2018
7.	Sarjana Muda Sains Makanan dengan Kepujian (Sains Makanan dan Pemakanan)	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	MQA/FA10937		Mulai 28/09/2018
8.	Sarjana Muda Teknologi Makanan dengan Kepujian Dahulunya dikenali sebagai : Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan dengan Kepujian	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa)	MQA/FA9640		Mulai 18/12/2017
9.	Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian Dahulunya dikenali sebagai : Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	MQA/FA4764		Mulai 05/06/2012
10.	Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Kepujian	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	MQA/FA0727		Mulai 23/08/2016
11.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Makanan	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	MQA/FA3601		Mulai 28/07/2016
12.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Makanan dengan Pemakanan Dahulunya dikenali sebagai : Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Makanan dan Pemakanan	Universiti UCSI	A10009		Mulai 22/05/2013
13.	Bachelor of Food Science and Technology	Monash University Malaysia	MQA/SWA0794		Mulai 08/11/2016
14.	Bachelor of Food Science (Honours) Previously known as : Bachelor of Science (Honours) (Food Science)	Taylor's University	MQA/FA0139		Starting 19/12/2013

Nota pemakluman:
i. Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di atas tersenarai di Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (e-SISRAF).

LAMPIRAN C –

SENARAI PENYAKIT

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

a. Kanser;

b. Serangan jantung;

c. *Pulmonary Hypertension*;

d. Sakit buah pinggang yang kronik;

e. Sakit hati (*liver*) yang kronik;

f. Fulminant Viral Hepatitis;

g. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;

h. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;

i. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;

j. Pemindahan organ utama;

k. Penyakit Parkinson;

l. Penyakit HIV dan AIDS;

m. Pemindahan kaki dan / atau tangan;

n. *Chronic Skin Disease: Psoriasis, Pemphigus, Steven-Johnson Syndrome;*

o. *Mental Illnes: Bipolar Disorder, Skizofrenia, Major Depression;*

p. *Endocrine Disease: Diabetes Mellitus With Complications;*

q. *Rheumatology: Rheumatoid Arthiritis, Systemic Lupus Erythematosus (SLE), Scleroderma, Mixed Connective Tissue Disorder, Ankylosing Spondylitis, Chronic Topacus Gout;*

r. *Talasemia Major;*

s. *Major Organ Transplant;*

t. Kecedaraan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan

u. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.

LAMPIRAN D –

CERAIAN SR.5.1.8

PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MYPPSM) CERAIAN SR.5.1.8: (KEMUDAHAN CUTI BELAJAR DAN BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN)

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk menetapkan peraturan berkaitan dengan kemudahan cuti belajar dan biasiswa dalam perkhidmatan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan melalui Perintah Am 36 Bab C (Cuti) Tahun 1974 telah memperuntukkan kemudahan cuti kerana berkursus kepada pegawai untuk mengikuti apa jua jenis kursus latihan atau pengajian yang diakui sama ada dengan gaji penuh, separuh gaji atau tanpa gaji dan sama ada untuk kursus diploma, ijazah asas, lepasan ijazah atau kursus lanjutan dan tertakluk kepada kelulusan Kerajaan.

3. Bagi tujuan Ceraian ini, peruntukan sedia ada mengenai Cuti Kerana Berkursus dalam Perintah Am 36 Bab C (Cuti) 1974 adalah dirujuk sebagai cuti belajar.

4. Perintah Am 4(1) Bab C (Cuti) 1974 memperuntukkan kuasa untuk meluluskan cuti kerana berkursus kepada pegawai awam Persekutuan ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pula merupakan agensi pusat yang bertanggungjawab dalam perihal biasiswa Kerajaan dan latihan. Walau bagaimanapun, mengambil kira prinsip penurunan kuasa di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1985: Perwakilan Kuasa dari Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, KPPA telah membuat penurunan kuasa bagi kelulusan cuti belajar dan pengurusan biasiswa kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pertahanan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam surat edaran yang berkenaan seperti di Lampiran SR.5.1.8(A).

5. Bagi maksud pelaksanaan dasar pemberian dan pelaksanaan kemudahan cuti belajar, Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa yang berkuat kuasa sejak tahun 2009. Seterusnya, dasar berkenaan dengan Tindakan penalti telah dijelaskan dalam Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya yang berkuat kuasa sejak tahun 2012.

6. Melalui Ceraian SM.1: Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam, pembangunan kompetensi pegawai melalui pemberian kemudahan cuti belajar hendaklah dirancang bagi meningkatkan kecekapan tugas melalui penguasaan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku. Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan, Kerajaan bersetuju garis panduan kemudahan cuti belajar distrukturkan semula dan ditambah baik melalui Ceraian ini.

TAFSIRAN

7. Bagi maksud pemakaian Ceraian ini;

i) **"Biasiswa"** ertinya kemudahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membiayai kos pengajian, elaun dan kemudahan-kemudahan lain yang pegawai berkelayakan semasa berada dalam tempoh cuti belajar;

ii) **"Cuti Belajar"** (dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus) ertinya cuti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana atau kursus jangkapanjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk mengikuti kursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;

iii) **"Ganti Rugi"** ertinya jumlah yang ditetapkan di dalam perjanjian yang perlu dibayar kepada Kerajaan oleh pegawai sekiranya pegawai melanggar mana - mana syarat cuti belajar atau terma dan syarat dalam perjanjian yang ditandatangani;

iv) **"Jawatankuasa"** ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menimbang kes - kes pelanggaran syarat di dalam surat tawaran dan perjanjian serta memutuskan tindakan yang dikenakan ke atas pegawai;

v) **"Kursus"** ertinya kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang khusus kepada program pengajian berbentuk akademik atau selain akademik termasuk kemahiran atau kepakaran atau latihan amali atau program sangkutan / internship atau apa-apa jenis kursus / latihan yang dipersetujui oleh Kerajaan untuk diikuti oleh pegawai di dalam atau di luar negara;

vi) **"Kursus Jangka Panjang"** ertinya kursus sepenuh masa yang tempohnya berturutan melebihi 12 bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti akademik;

vii) **"Kursus Jangka Sederhana"** ertinya kursus sepenuh masa yang tempohnya berturutan melebihi tiga bulan tetapi tidak melebihi 12 bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti akademik;

viii) **"Pegawai"** ertinya pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik secara tetap dalam perkhidmatan awam Persekutuan atau mana-mana pegawai lain yang menerima biasiswa daripada Kerajaan Persekutuan;

ix) **"Penalti"** ertinya tindakan yang dikenakan ke atas pegawai yang menerima kemudahan cuti belajar dengan biasiswa akibat daripada pelanggaran apa-apa syarat cuti belajar dalam surat tawaran dan/atau perjanjian;

x) **"Pihak Berkuasa Melulus"** ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk menjalankan tugas meluluskan permohonan cuti belajar dan biasiswa.

xi) **"Tajaan Lain"** ertinya kemudahan yang diberikan oleh mana-mana pihak selain Kerajaan Persekutuan termasuklah tajaan oleh badan asing yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melulus atau pembiayaan sendiri, bagi menampung kos pengajian atau membiayai yuran pengajian, elaun dan kemudahan-kemudahan lain semasa pegawai berada dalam tempoh cuti belajar;

xii) **"Tamat Kursus"** ertinya pegawai yang melengkapkan pengajian dengan jaya dan mengemukakan bukti tamat kursus dalam tempoh yang ditetapkan dalam Lampiran SR.5.1.8(B);

xiii) **"Tempoh Cuti Belajar"** ertinya suatu tempoh yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus yang meliputi:

a) tempoh kursus yang diikuti termasuk hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti akademik yang jatuh dalam masa kursus itu;

b) tempoh perjalanan ke tempat kursus dan perjalanan balik selepas kursus mengikut jalan yang paling dekat; dan/ atau

c) tempoh menunggu di luar negara yang tidak dapat dielakkan kerana urusan perjalanan setempat (Perintah Am 36 Bab C 1974).

"Tempoh Ikatan Berkhidmat" ertinya tempoh pegawai dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan, sama ada dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pihak BerkuasaTempatan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, setelah tamat tempoh cuti belajar dan lapor diri bertugas sama ada tamat kursus dengan jayanya atau tidak;

PRINSIP-PRINSIP ASAS

8. Prinsip asas pemberian kemudahan cuti belajar adalah seperti yang berikut:

i) cuti belajar diberikan kepada pegawai untuk mengikuti kursus bagi pembangunan kompetensi dan bukan untuk kemajuan kerjaya. Kelayakan yang diperoleh daripada kursus tidak menjamin pegawai dilantik atau dinaikkan pangkat ke suatu jawatan atau gred jawatan yang lebih tinggi;

ii) pegawai yang menghidap penyakit kronik, berjangkit atau penyakit yang memerlukan rawatan susulan tidak dibenarkan memohon mengikuti kursus di luar negara dan hanya dibenarkan memohon kursus di dalam negara;

iii) pegawai hendaklah memenuhi tempoh minimum berkhidmat yang ditetapkan sebelum dipertimbangkan kemudahan cuti belajar. Pegawai yang ditukar lantik atau dilantik ke jawatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan, tempoh perkhidmatan terdahulu dalam kumpulan perkhidmatan yang sama dengan jawatan yang ditukar lantik atau dilantik akan diambil kira, manakala tempoh perkhidmatan terdahulu yang berbeza dengan kumpulan perkhidmatan jawatan yang ditukar lantik atau dilantik tidak diambil kira. Prinsip ini dikecualikan bagi kursus-kursus berkaitan pembangunan kompetensi khusus demi kepentingan perkhidmatan;

iv) pegawai hendaklah memenuhi tempoh menunggu (grace period) yang ditetapkan sebelum layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar yang berikutnya;

v) pegawai yang diluluskan untuk mengikuti pengajian dengan tajaan lain boleh diberi kemudahan cuti belajar mengikut kelayakan masing-masing;

vi) pegawai yang berada dalam tempoh cuti belajar dan dikenakan hukuman tatatertib atau disabitkan kesalahan oleh mahkamah boleh ditamatkan cuti belajar;

vii) pegawai yang ingin memohon kemudahan cuti belajar bagi mengikuti kursus bagi program pengajian berbentuk akademik perlu memastikan kursus yang diikuti adalah di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimilikinya (rujuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau apa-apa dasar/peraturan yang dikeluarkan oleh agensi berkaitan);

viii) pegawai yang ingin memohon kemudahan cuti belajar bagi mengikuti kursus bagi program pengajian selain akademik adalah tidak tertakluk kepada peringkat kelayakan akademik (rujuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau apa-apa dasar/peraturan yang dikeluarkan oleh agensi berkaitan);

ix) pegawai layak mendapat kemudahan cuti belajar maksimum dua kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan untuk mengikuti kursus jangka panjang atau kursus jangka sederhana bagi program pengajian berbentuk akademik. Kelulusan kali kedua hanya boleh dipertimbangkan bagi peringkat pengajian akademik yang lebih tinggi;

x) tiada had maksimum pemberian kemudahan cuti belajar bagi pegawai yang mengikuti kursus jangka sederhana bagi program pengajian selain akademik;

xi) sekiranya skim perkhidmatan pegawai menetapkan sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan, pegawai perlu mengikuti kursus asas secara sepenuh masa bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan melebihi tempoh tiga (3) bulan, tempoh tersebut tidak dianggap sebagai cuti belajar;

xii) pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) boleh diberi kemudahan cuti belajar untuk mengikuti kursus bagi program pengajian berbentuk akademik di peringkat seperti yang berikut:

a) Sijil Pascasiswazah;
b) Diploma Pascasiswazah;
c) Sarjana; dan
d) Kedoktoran.

xiii) pegawai dalam Kumpulan Pelaksana boleh diberi kemudahan cuti belajar untuk mengikuti kursus bagi program pengajian berbentuk akademik di peringkat seperti yang berikut:

a) Sijil;
b) Diploma; dan
c) Ijazah Pertama.

xiv) semua kursus bagi program berbentuk akademik yang diikuti oleh pegawai hendaklah mempunyai akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau badan akreditasi negara pengajian;

xv) kursus bagi program selain akademik bagi meningkatkan kompetensi pegawai boleh dipertimbangkan untuk ditaja oleh Kerajaan dengan syarat ia berkaitan dengan tugas pegawai dan tertakluk kepada keperluan skim perkhidmatan pegawai;

xvi) tarikh mula tempoh cuti belajar (dengan biasiswa atau tanpa biasiswa) yang diluluskan berdasarkan peringkat pengajian adalah seperti yang berikut:

a) sarjana (kerja kursus/campuran): bermula dari tarikh kelas/ kuliah bermula sehingga tarikh akhir peperiksaan, atau mana-mana tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan; atau

b) sarjana (penyelidikan) / kedoktoran: bermula dari tarikh pendaftaran sehingga tarikh akhir penghantaran tesis sebelum viva atau mana-mana tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan.

xvii) pegawai yang sedang mengikuti pengajian di peringkat sarjana dan kemudiannya ditawarkan oleh institusi untuk meneruskan pengajian ke peringkat kedoktoran, boleh dipertimbangkan naik taraf pengajian dan tidak tertakluk kepada tempoh menunggu serta tempoh cuti belajar diselaraskan;

xviii) tempoh cuti belajar tidak boleh diambil kira sebagai tempoh sedang berkhidmat bagi tujuan menyempurnakan tempoh ikatan berkhidmat yang terdahulu ataupun yang sedang berkuat kuasa ke atasnya;

xix) pegawai yang diluluskan kemudahan cuti belajar perlu menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan bertanggungjawab mematuhi terma dan syarat surat tawaran dan perjanjian. Kemudahan cuti belajar boleh ditamatkan sekiranya pegawai gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat di dalam surat tawaran dan perjanjian;

xx) sepanjang tempoh cuti belajar, pegawai tidak dibenarkan untuk menjalankan apa-apa tugas rasmi yang berkaitan dengan jawatan yang pernah dipegang / disandang oleh pegawai itu termasuklah menghadiri mesyuarat, bertugas di pejabat, memberi ceramah, menjadi panel temu duga atau apa-apa perkara lain yang melibatkan tugas rasmi pegawai;

xxi) tempoh cuti belajar dan tempoh mengemukakan bukti tamat kursus adalah seperti dalam Lampiran SR.5.1.8(B);

xxii) tiada pelanjutan dibenarkan bagi mana-mana kategori cuti belajar;

xxiii) pegawai hendaklah melapor diri dan kembali bertugas setelah tamat tempoh cuti belajar (dengan biasiswa atau tanpa biasiswa) yang diluluskan. Pegawai yang menamatkan kursus lebih awal sebelum tamat tempoh cuti belajar tersebut diwajibkan untuk kembali melapor diri bertugas selepas melengkapkan kursus. Tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya pegawai gagal untuk melapor diri bertugas dalam mana-mana keadaan yang berkenaan; dan

xxiv) pegawai yang diluluskan kemudahan cuti belajar masih merupakan pegawai awam yang tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa ke atasnya.

KATEGORI CUTI BELAJAR

9. Kemudahan cuti belajar dibahagikan kepada tiga (2) kategori seperti berikut:

Cuti Belajar Bergaji Penuh

10. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) ialah cuti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus yang mana dalam tempoh cuti belajar, pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan elaun-elaun tertentu yang pegawai itu berkelayakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan sama ada dengan biasiswa atau tanpa biasiswa.

11. Pegawai yang memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut adalah layak untuk dipertimbangkan bagi kemudahan CBBP:

(i) berkhidmat secara tetap;

(ii) disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;

(iii) pegawai hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) tahun sebelum dipertimbangkan kemudahan cuti belajar untuk mengikuti kursus bagi program berbentuk akademik. Namun, syarat ini dikecualikan untuk mengikuti kursus bagi program selain akademik;

(iv) memperoleh markah purata penilaian prestasi tahunan sekurang-kurangnya 85% bagi tempoh genap tiga tahun kalendar terkini, secara berturut-turut;

(v) diperakukan oleh Ketua Jabatan di jabatan masing-masing dan/atau Ketua Perkhidmatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut mana mana yang berkenaan;

(vi) berumur—

(a) tidak melebihi 45 tahun untuk peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah Pertama/ Kedoktoran;

(b) tidak melebihi 50 tahun untuk peringkat Sarjana;

(c) tidak melebihi 50 tahun untuk kursus jangka sederhana,

sama ada pada tarikh tutup permohonan atau tarikh memulakan kursus atau apa-apa tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(vii) syarat had umur mengikuti kursus bagi program selain akademik ditentukan berdasarkan tempoh kursus dan tempoh ikatan berkhidmat;

(viii) telah melepasi tempoh menunggu (grace period) selama tiga (3) tahun dari tarikh tamat kursus jangka sederhana / kursus jangka panjang di dalam atau luar negara yang terdahulu dengan jayanya;

(ix) telah mendapat tempat di universiti / institusi untuk mengikuti kursus yang diluluskan;

(x) mengikuti kursus yang diiktiraf oleh pihak yang berkenaan;

(xi) bebas daripada sebarang pertuduhan dan hukuman tatatertib. Bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib, tempoh pegawai tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar adalah berdasarkan jenis hukuman seperti di **Lampiran SR.5.1.8(C)**;

(xii) telah mengisytiharkan harta;

(xiii) pegawai bukan merupakan peminjam tegar mana-mana pinjaman, peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pemberi pinjaman Kerajaan yang lain atau dalam tindakan tuntutan ganti rugi oleh JPA; dan

(xiv) apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus dari semasa ke semasa.

12. Kemudahan CBBP dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti berikut:

i) Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB)

a) Pegawai yang memohon kemudahan CBBPDB boleh dipertimbangkan menerima kemudahan seperti berikut:

i. Biasiswa penuh atau sebahagian daripadanya; dan

ii. Elaun dan kemudahan seperti yang tersenarai di Lampiran SR.5.1.8(D) tertakluk kepada kelayakan semasa yang ditentukan.

b) Sekiranya pegawai menerima bayaran yang tidak berkelayakan dalam tempoh CBBPDB, bayaran akan dianggap sebagai hutang kepada Kerajaan dan pegawai bertanggungjaawab memulangkan semula bayaran itu.

c) Elaun dan kemudahan dalam perkhidmatan tertentu yang diterima pegawai sebelum kelulusan CBBPDB akan diberhentikan mengikut peraturan dan tatacara kewangan yang sedang berkuat kuasa.

d) Kadar eluan dan kemudahan bagi kursus yang diluluskan adalah berdasarkan ketetapan Kerajaan dari semasa ke samasa.

ii) Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB)

Pegawai yang memohon kemudahan CBBPTB boleh dipertimbangkan untuk menerima kemudahan CBBPTB sekiranya pegawai:

a) Telah diluluskan menerima tajaan lain, Permohonan tawaran tajaan lain perlu melalui Kementerian Luar Negeri sebelum dikemukakan kepada JPA selaras dengan Ceraian SM.2.1.1: Tawaran Latihan dan Biasiswa oleh

Negara-Negara/ Yayasan-Yayasan dan Badan - Badan Asing dan Antarabangsa; dan/atau

b) Mempunyai keupayaan membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus dalam tempoh pengajian.

Cuti Belajar Tanpa Gaji

13. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) ialah cuti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus kepada pegawai untuk mengikuti kursus yang mana dalam tempoh cuti belajar, pegawai tidak dibayar gaji, imbuhan tetap dan elaun-elaun tertentu yang pegawai itu berkelayakan mengikuti terma dan syarat yang ditetapkan sama ada dengan biasiswa atau tanpa biasiswa.

14. Pegawai yang memenuhi syarat – syarat seperti berikut adalah layak untuk dipertimbangkan bagi kemudahan CBTG:

i) Berkhidmat secara tetap;

ii) Disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;

iii) Pegawai hendahklah telah berkhidmat sekurang – kurangnya enam (6) tahun sebelum dipertimbangkan kemudahan cuti belajar untuk mengikuti kursus bagi program berbentuk akademik. Namun, syarat ini dikecualikan untuk mengikuit kursus bagi program selain akademik;

iv) Memperoleh markah purata penilaian prestasi tahunan sekurang – kurangnya 85% bagi tempoh genap dua (2) tahun kalendar terkini, secara berturut – turut;

v) Diperakukan oleh Ketua Jabatan di jabatan masing – masing dan/atau Ketua Perkhidmatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia, mengikut yang mana berkenaan;

vi) Berumur:

a) Tidak melebihi 45 tahun untuk peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah Pertama/ Kedoktoran;

b) Tidak melebihi 50 tahun untuk peringkat Sarjana;
Sama ada pada tarikh tutup permohonan atau tarikh memulakan kursus atau apa – apa tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus, mengikut mana – mana yang berkenaan;

vii) Telah melepasi tempoh menunggu (grace period) selama tiga (3) tahun dari tarikh tamat kursus jangka sederhana / kursus jangka panjang di dalam atau luar negara yang terdahulu dengan jayanya;

viii) Telah mendapat tempat di universiti / institusi untuk mengikuti kursus yang diluluskan;

ix) Mengikuti kursus yang diiktiraf oleh pihak yang berkenaan;

x) Mempunyai keupayaan untuk membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus yang diikuti;

xi) Bebas daripada sebarang pertuduhan dan hukuman tatatertib. Bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib, tempoh pegawai tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar adalah berdasarkan jenis hukuman seperti di Lampiran SR.5.18(C);

xii) Telah mengisytiharkan harta;

xiii) Pegawai bukan merupakan peminjam tegar mana – mana pinjaman/peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan – badan pemberi pinjaman Kerajaan yang lain atau dalam tindakan ganti rugi oleh JPA; dan

xiv) Apa syarat – syarat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus dari semasa ke semasa.

15. Kemudahan CBTG dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti berikut:

i) Cuti Belajar Tanpa Gaji Dengan Biasiswa (CBTGDB)

a) Pegawai yang memohon kemudahan CBTGDB boleh dipertimbangkan menerima kemudahan seperti berikut:

i. Biasiswa penuh atau sebahagian daripadanya; dan

ii. Elaun dan kemudahan seperti yang tersenarai di Lampiran SR.5.1.8(D) tertakluk kepada kelayakan semasa yang ditentukan.

b) Sekiranya pegawai menerima bayaran yang tidak berkelayakan dalam tempoh CBTGDB, bayaran tersebut akan dianggap sebagai hutang kepada Kerajaan dan pegawai bertanggungjawab memulangkan semula bayaran ini;

c) Emolumen termasuk gaji, elaun dan kemudahan dalam perkhidmatan tertentu yang diterima oleh pegawai sebelum kelulusan CBTGDB akan dihentikan mengikut peraturan dan tatacara kewangan yang sedang berkuat kuasa; dan

d) Kadar elaun dan kemudahan bagi kursus yang diluluskan adalah berdasarkan ketetapan Kerajaan dari semasa ke semasa.

ii) Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Biasiswa (CBTGTB)

Pegawai yang memohon kemudahan CBTGTB boleh dipertimbangkan bagi menerima kemudahan CBTGTB sekiranya pegawai:

a) menerima tajaan lain. Permohonan tawaran tajaan lain perlu melalui Kementerian Luar Negeri sebelum dikemukakan kepada JPA selaras dengan Ceraian SM.2.1.1: Tawaran Latihan dan Biasiswa oleh Negara-Negara/ Yayasan-Yayasan dan Badan-Badan Asing dan Antarabangsa; dan/atau

b) mempunyai keupayaan membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus dalam tempoh pengajian.

16. Ketetapan mengenai kemudahan CBTG bagi mengikuti kursus pra perkhidmatan adalah berdasarkan Ceraian UP.1.3.5: Dasar dan Prosedur Mengikuti Kursus Pra Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Sedang Berkhidmat.

17. Ketua Jabatan hendaklah memastikan kelulusan kemudahan cuti belajar pegawai direkodkan dalam buku rekod perkhidmatan pegawai seperti yang berikut:

"Pegawai diluluskan kemudahan (nyatakan kategori cuti belajar yang dinyatakan di dalam surat kelulusan cuti belajar) mulai (tarikh mula kelulusan cuti belajar) hingga (tarikh tamat kelulusan cuti belajar) dan Pegawai dikehendaki melengkapkan tempoh ikatan berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh bulan mulai (tarikh lapor diri tamat cuti belajar) ."

Turutan Kategori Cuti Belajar

18. Cuti belajar yang disediakan oleh Kerajaan dikategorikan berdasarkan kepada kemudahan yang disediakan mengikut turutan seperti yang berikut:

i) CBBPDB;
ii) CBBPTB;
iii) CBTGDB;
iv) CBTGTB.

FAEDAH PERSARAAN

19. Apa-apa tempoh cuti belajar yang diluluskan hendaklah disifatkan sebagai tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira bagi pengiraan faedah persaraan di bawah undang-undang pencen yang berkuat kuasa.

20. Bahagian Pencen, JPA berhak membetulkan apa-apa kesilapan perihal cuti belajar bagi tujuan perkiraan tempoh perkhidmatannya bagi tujuan persaraan.

BUKTI TAMAT KURSUS

21. Pegawai hendaklah mengemukakan bukti tamat kursus setelah melengkapkan kursus berdasarkan tempoh seperti yang ditetapkan dalam Lampiran SR.5.1.8(B).

22. Sekiranya pegawai telah tamat kursus namun gagal mengemukakan bukti tamat kursus dalam tempoh yang ditetapkan, pegawai akan dikenakan tindakan tuntutan ganti rugi.

23. Pegawai yang gagal menamatkan kursus dengan jayanya akan mengakibatkan cuti belajar pegawai ditamatkan dan pegawai akan dikenakan tindakan ganti rugi. Pegawai masih mempunyai obligasi untuk menyempurnakan tempoh ikatan berkhidmat.

TEMPOH IKATAN BERKHIDMAT

24. Pegawai yang diluluskan kemudahan cuti belajar mempunyai obligasi untuk menyempurnakan tempoh ikatan berkhidmat dan akan bermula setelah pegawai tamat cuti belajar sama ada tamat kursus dengan jaya atau tidak. Ketua Jabatan hendaklah memastikan obligasi pegawai menyempurnakan tempoh ikatan berkhidmat direkodkan dalam buku rekod perkhidmatan pegawai sebagaimana perenggan 17 di atas.

25. Pegawai yang berkhidmat sebagai Setiausaha Politik, Anggota Pentadbiran Kerajaan, perkhidmatan dengan Badan-Badan Berkanun, Universiti-

Universiti Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah disifatkan sebagai perkhidmatan dengan Kerajaan bagi maksud memenuhi menyempurnakan ikatan kontrak berkhidmat. Oleh itu, pegawai dikehendaki membuat permohonan pemindahan ikatan berkhidmat dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula dilantik.

26. Pemindahan ikatan berkhidmat hendaklah mengikut ketetapan seperti dalam Ceraian SM.2.1.3: Pemindahan Kontrak Pemegang-Pemegang Biasiswa/ Dermasiswa Persekutuan/ Hadiah Latihan Persekutuan.

27. Pegawai yang gagal membuat pemindahan ikatan berkhidmat dalam tempoh tersebut boleh dikenakan tindakan tuntutan ganti rugi.

28. Pemantauan ke atas baki tempoh ikatan berkhidmat selepas pemindahan ikatan berkhidmat adalah dibawah tanggungjawab agensi yang menerima pemindahan kontrak pegawai berkenaan.

29. Pelepasan ikatan berkhidmat layak dipertimbangkan kepada pegawai yang telah menyempurnakan semua tempoh ikatan berkhidmat sepertimana yang diperuntukkan di dalam perjanjian yang berkuat kuasa ke atasnya.

30. Sekiranya pegawai meletak jawatan atau bersara pilihan atau meninggalkan perkhidmatan atau ditamatkan perkhidmatan dalam tempoh ikatan berkhidmat, pegawai akan dikenakan tindakan tuntutan ganti rugi.

PENAMATAN CUTI BELAJAR

31. Pihak Berkuasa Melulus boleh pada bila-bila masa boleh menamatkan cuti belajar serta mengarahkan pegawai untuk kembali lapor diri bertugas sekiranya pegawai melakukan mana-mana satu atau apa-apa gabungan keadaan yang berikut:

    i) terlibat dengan masalah disiplin seperti yang berikut:

a) dikenakan tindakan tatatertib;

b) dituduh di Mahkamah atas apa-apa pelanggaran undang-undang yang berkuat kuasa dan pegawai disabitkan dengan kesalahan itu; atau

c) melanggar peraturan yang berkuat kuasa di institusi dan pegawai ditamatkan kursus oleh institusi.

ii) menarik diri daripada mengikuti kursus setelah kursus bermula tanpa mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Melulus terlebih dahulu;

iii) menunjukkan kelemahan akademik apabila tidak mencapai markah lulus atau syarat siswazah atau syarat tamat program yang ditetapkan dan ditamatkan oleh institusi;

iv) meletak jawatan atau bersara pilihan atau meninggalkan perkhidmatan atau ditamatkan perkhidmatan dalam tempoh cuti belajar; dan/atau

v) apa-apa pelanggaran syarat dalam surat tawaran dan/atau perjanjian dalam tempoh cuti belajar.

32. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai sekiranya pegawai didapati tidak melapor diri bertugas sebaik sahaja tamat cuti belajar atau pada tarikh pegawai diarah melapor diri bertugas.

33. Penamatan kemudahan cuti belajar akan mengakibatkan pegawai dikenakan tindakan tuntutan ganti rugi.

TUNTUTAN GANTI RUGI

34. Kegagalan pegawai mematuhi syarat-syarat dalam surat tawaran, dokumen perjanjian atau pegawai melakukan apa-apa perlanggaran terma dan syarat cuti belajar, akan mengakibatkan kemudahan cuti belajar ditamatkan dan pegawai dikenakan tuntutan ganti rugi.

35. Jumlah tuntutan ganti rugi hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan seperti di Lampiran SR.5.1.8(E). Jumlah ganti rugi berdasarkan kos sebenar merujuk kepada segala perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan termasuklah apa-apa yuran, elaun dan kemudahan yang diberikan kepada pegawai.

36. Bagi pegawai yang telah menerima kemudahan cuti belajar dengan biasiswa dan dikenakan tindakan tuntutan ganti rugi, tindakan penalti akan turut dikenakan ke atas pegawai selaras dengan perenggan 47 di bawah.

37. Ketua Jabatan hendaklah merekodkan tuntutan ganti rugi atau tuntutan ganti rugi dengan penalti, mengikut mana-mana yang mana berkenaan, dalam buku rekod perkhidmatan pegawai seperti yang berikut:

i) Tuntutan ganti rugi

"Pegawai dikenakan tuntutan ganti rugi sebanyak RM (nilai ganti rugi) kerana telah (nyatakan asas tuntutan ganti rugi merujuk perenggan 31(i) hingga (iv)).".

ii) Tuntutan ganti rugi dengan penalti

"Pegawai dikenakan tuntutan ganti rugi sebanyak RM (nilai ganti rugi) kerana telah (nyatakan asas tuntutan ganti rugi merujuk perenggan 31(i) hingga (iv)) dan tindakan penalti seperti berikut:

a) tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar (sama ada 48(i)(a) atau 48(ii)(a) atau 48(iii)(a)) ; dan

b) tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh perkhidmatan.".

38. Tanpa menyentuh hak Kerajaan menguatkuasakan tindakan tuntutan ganti rugi, obligasi pegawai untuk menyempurnakan tempoh ikatan berkhidmat

hendaklah berterusan sehingga diselesaikan sepertimana yang diperuntukkan di dalam perjanjian yang berkuat kuasa ke atasnya.

39. Sekiranya pegawai telah dikenakan tuntutan ganti rugi dan kemudiannya meletak jawatan atau bersara pilihan atau meninggalkan perkhidmatan atau ditamatkan perkhidmatan, pegawai masih bertanggungan untuk menyelesaikan kesemua tuntutan ganti rugi tersebut.

40. Pegawai akan dikenakan tindakan tuntutan ganti rugi yang berasingan bagi kegagalan untuk menyempurnakan tempoh ikatan berkhidmat.

41. Simulasi pengiraan jumlah tuntutan ganti rugi bagi pelanggaran berasingan oleh pegawai adalah seperti di Lampiran SR.5.1.8 (G).

KAEDAH KUTIPAN GANTI RUGI

42. Kutipan ganti rugi akan dilaksanakan setelah diputuskan oleh jawatankuasa yang berkaitan.

43. Pegawai hendaklah membuat bayaran balik melalui kaedah yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

44. Bagi pegawai yang akan bersara paksa, sekiranya jumlah ganti rugi tidak dapat dijelaskan sepenuhnya sebelum persaraan paksa, baki jumlah ganti rugi itu menjadi hutang pegawai kepada Kerajaan dan Kerajaan hendaklah mendapatkan keseluruhan baki jumlah ganti rugi secara sekali gus atau secara ansuran melalui kaedah yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

PENGURANGAN GANTI RUGI

45. Pengurangan ganti rugi adalah tidak dibenarkan melainkan dalam keadaan-keadaan yang berikut:

i) Kelemahan Akademik / Gagal Mengemukakan Bukti Tamat Kursus

Bayaran ganti rugi sekurang-kurangnya 25% daripada kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian.

ii) Meletak Jawatan / Persaraan Pilihan Dalam Tempoh Ikatan Berkhidmat

a) Pengurangan nilai tuntutan ganti rugi hanya dibenarkan sekiranya pegawai telah menyempurnakan separuh daripada tempoh ikatan berkhidmat sebagaimana yang ditetapkan dalam Lampiran SR.5.1.8(E), mengikut tempoh kursus yang mana berkenaan, berdasarkan pengiraan formula yang berikut:

Simulasi pengiraan pengurangan nilai tuntutan ganti rugi adalah seperti di Lampiran SR.5.1.8(F).

b) Sekiranya pegawai memohon kelulusan untuk persaraan pilihan, Ketua Jabatan hendaklah menyemak baki tempoh ikatan berkhidmat pegawai terlebih dahulu sebelum memanjangkan permohonan persaraan pilihan tersebut kepada Bahagian Pencen, JPA selaras dengan Ceraian PP.1.2.11: Garis Panduan Bagi Syarat Dan Prosedur Berkaitan Urusan Persaraan Pilihan Termasuk Untuk Menjadi Calon Pilihan Raya Oleh Pegawai Berpencen.

PENGECUALIAN GANTI RUGI

46. Kerajaan boleh mempertimbangkan pengecualian ganti rugi ke atas keseluruhan atau baki jumlah ganti rugi dalam keadaan-keadaan yang berikut:

i) Penyakit Kronik

a) Pengecualian tuntutan ganti rugi boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang tidak berupaya menamatkan kursus dengan jaya dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan

oleh penyakit kronik yang dialami oleh pegawai semasa dalam tempoh cuti belajar, atas permohonan pegawai, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang berikut:

i. telah mendapat perakuan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan pengesahan oleh Pakar Perubatan Kerajaan bahawa pegawai menghidap penyakit kronik; dan

ii. pegawai telah diberi peluang menangguhkan kursus kerana cuti sakit bergaji penuh maksimum 24 bulan menurut Perintah Am 31 Bab C (Cuti) Tahun 1974.

b) Senarai penyakit kronik adalah seperti di Lampiran SR.5.1.8(H).

c) Pegawai yang pernah diberikan pengecualian ganti rugi disebabkan oleh penyakit kronik yang dialami semasa mengikuti kursus terdahulu layak memohon kemudahan cuti belajar setelah menyempurnakan keseluruhan tempoh ikatan berkhidmat dan setelah mendapat perakuan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan serta pengesahan oleh Pakar Perubatan Kerajaan bahawa pegawai telah sihat sepenuhnya dan berupaya untuk mengikuti kursus.

ii) Dibersarakan Atas Sebab Kesihatan

a) Pengecualian ganti rugi boleh dipertimbangkan sekiranya pegawai dibersarakan atas sebab kesihatan yang disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang menjadi kekal.

b) Sekiranya pegawai masih mempunyai baki ganti rugi, maka baki ganti rugi tersebut boleh dipertimbangkan untuk

dihapus kira mengikut tatacara kewangan dan tertakluk kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling semasa yang berkuat kuasa.

iii) Meninggal Dunia

Sekiranya pegawai telah meninggal dunia, maka ganti rugi tersebut boleh dipertimbangkan untuk dihapus kira mengikut tatacara kewangan dan tertakluk kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling semasa yang berkuat kuasa.

TINDAKAN PENALTI KEPADA PENERIMA KEMUDAHAN CUTI BELAJAR DENGAN BIASISWA

47. Tindakan penalti akan dikenakan ke atas pegawai yang menerima kemudahan cuti belajar dengan biasiswa dan telah dikenakan tindakan tuntutan ganti rugi berdasarkan kepada asas-asas yang berikut:

i) sebagai instrumen kawalan untuk mengurangkan bilangan pegawai yang gagal menamatkan pengajian;

ii) pegawai mendapat faedah kekananan dan faedah persaraan semasa cuti belajar; dan

iii) kerugian Kerajaan dari segi kos langsung iaitu biasiswa dan gaji serta kos melepas iaitu tiada hasil/ produktiviti semasa pegawai cuti belajar.

48. Tindakan penalti yang dikenakan hendaklah berdasarkan kepada keadaan-keadaan yang berikut:

i) Masalah Disiplin / Gagal Mengemukakan Bukti Tamat Kursus

a) tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar sepanjang tempoh perkhidmatan; dan

b) tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh perkhidmatan.

ii) Menarik diri

a) tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar sehingga pegawai menyelesaikan keseluruhan ganti rugi dan menyempurnakan keseluruhan tempoh ikatan berkhidmat sepertimana yang diperuntukkan di dalam perjanjian yang berkuat kuasa ke atasnya. Kemudahan cuti belajar yang seterusnya adalah terhad kepada institusi awam dalam negara sahaja; dan

b) tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh perkhidmatan.

iii) Kelemahan Akademik

a) tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar bergaji penuh sehingga pegawai menyelesaikan keseluruhan ganti rugi dan menyempurnakan keseluruhan tempoh ikatan berkhidmat sepertimana yang diperuntukkan di dalam perjanjian yang berkuat kuasa ke atasnya; dan

b) tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh perkhidmatan.

TARIKH KUAT KUASA

49. Ceraian ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

PEMBATALAN

50. Dengan berkuat kuasanya Ceraian ini, Garis Panduan dan Surat Edaran yang berikut adalah dibatalkan tetapi hendaklah terus berkuat kuasa kepada pegawai yang menerima kemudahan cuti belajar dan biasiswa di bawah Garis Panduan dan Surat Edaran berikut:

i) Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa JPA(L)(S).175/4/1-1 KLT.8(22) bertarikh 19 Jun 2009;

ii) Surat Edaran JPA(L)S. 175/4/2-6 Klt. 7 (5) Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya bertarikh 30 September 2010;

iii) Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya (No. Rujukan: JPA(L)S.175/4/2-6 Klt. 7) yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2010; dan

iv) Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya (No. Rujukan: JPA(L)S.175/4/2-6 Klt. 7(15)) yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012.

PEMAKAIAN

51. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN

52. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MYPPSM) ceraian SR.5.1.8: (Kemudahan Cuti Belajar Dan Biasiswa Dalam Perkhidmatan) yang mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang secara sepenuh masa ini, hendaklah dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 6, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Perancangan Dan Dasar Latihan)

Telefon : 03-88853677 / 3367 / 3362
Faks : 03-88810742 / 0743
Emel : dasarlatihan@jpa.gov.my

LAMPIRAN E –

PERAKUAN

PENGAKUAN PEMOHON (*Potong yang tidak berkaitan)

a. Saya *telah/ belum mengisytiharkan harta **dalam tempoh lima (5) tahun terkini;**

b. Saya *pernah/ tidak pernah memohon Cuti Belajar Separuh Gaji/ Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan;

   Jika pernah, nyatakan tahun Permohonan:

c. Saya mengaku bahawa saya telah baca dan faham mengenai Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam perkhidmatan yang gagal menamatkan pengajian dengan jayanya seperti di **Lampiran A;**

d. Saya dengan ini mengaku bahawa saya bebas daripada penyakit yang menjejaskan keupayaan menjalani program latihan (*unsuitable to pursue training*) dari segi fizikal dan mental seperti di **Lampiran C**; dan

e. Saya mengaku bahawa semua keterangan di atas adalah benar dan permohonan ini adalah lengkap. Sekiranya kenyataan yang diberikan tidak benar atau permohonan ini tidak lengkap, saya bersetuju bahawa pihak Kementerian berhak membatalkan permohonan Cuti Belajar ini serta-merta tanpa memaklumkan kepada saya terlebih dahulu.

Tandatangan: .....

Nama Pemohon: .....

Jawatan: .....

Tarikh: .....

LAMPIRAN E

PERMOHONAN KURSUS DALAM PERKHIDMATAN
BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. NAMA PEGAWAI	
2. NO. KAD PENGENALAN	
3. KURSUS DIPOHON	
4. TEMPAT KURSUS	
5. TEMPOH KURSUS	

6. PENGESAHAN SUMBER MANUSIA (SM)

A. TATATERTIB	B. REKOD CSG/ CTG	C. MARKAH LNPT	PENGESAHAN SM
☐ **ADA** ☐ **TIADA** **JIKA ADA, NYATAKAN:** i. ..... ii.	☐ **ADA** ☐ **TIADA** **JIKA ADA, NYATAKAN:** i. ..... ii. ..... iii.	**TAHUN** / **MARKAH** **2023** **2024** **2025**	Tandatangan: Nama: Jawatan: Cop Rasmi: Tarikh:
(sertakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)			

7. SOKONGAN PEGAWAI PENILAI PERTAMA	8. SOKONGAN KETUA JABATAN
Saya dengan ini ***menyokong/ tidak menyokong** permohonan pegawai yang tersebut di atas untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan secara sepenuh masa bagi sesi 2026/2027. Tandatangan: Nama: Jawatan: Cop Rasmi: Tarikh:	Saya dengan ini ***menyokong/ tidak menyokong** permohonan pegawai yang tersebut di atas untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan secara sepenuh masa bagi sesi 2026/2027. Tandatangan: Nama: Jawatan: Cop Rasmi: Tarikh:

9. PERAKUAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI

Saya dengan ini ***memperaku/ tidak memperaku** permohonan pegawai yang tersebut di atas untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan secara sepenuh masa bagi sesi 2026/2027.

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Cop Rasmi:

Tarikh:

*(*Potong yang tidak berkaitan)*

LAMPIRAN F –

SENARAI KURSUS

LAMPIRAN F

SENARAI KURSUS-KURSUS TERMASUK POS BASIK/ DIPLOMA LANJUTAN YANG PERNAH DIIKUTI

BIL.	NAMA KURSUS	ANJURAN	TEMPAT	TEMPOH/ TARIKH
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				